

## Pelajar UMS Jayakan CSR di SK Tampulan

Terakhir dikemaskini: Rabu, 05 Disember 2018 16:49 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 180

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**RABU, 05  
DISEMBER** - Seramai 25 pelajar Politik Alam Sekitar Antarabangsa Fakulti Kemanusiaan, Seni, dan Warisan (FKSW), Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di Sekolah Kebangsaan (SK) Tampulan,

Telipok, baru-baru ini.

Pengarah program, Syafiqah Abd Kadir berkata, program itu antara lain bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam kalangan pelajar SK Tampulan di samping memupuk semangat pelajar untuk memelihara serta memulihara alam sekitar.

“Ia juga bagi memberi peluang siswa-siswi FKSW menjadi proaktif dalam melaksanakan sesuatu program sekali gus meningkatkan jaringan komuniti,” katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Syafiqah, pelbagai aktiviti menarik diadakan sepanjang program itu yang bertemakan “Today Trees, Tomorrow Future”.

“Antaranya, ceramah daripada Pensyarah Khidmat Masyarakat dari University College Sabah Foundation (UCSF), senamrobik, kuiz, aktiviti menanam bunga serta beberapa aktiviti permainan dalam kumpulan.

“Pelajar UMS juga turut membantu mengecat kelas murid darjah tiga yang dibina oleh pelajar Kelab Penyayang UMS sebelum ini,” ujarnya.

Program yang dianjurkan dengan gabungan kerjasama Kelab Penyayang UMS, UCSF dan pihak pengurusan SK Tampulan disertai kesemua 80 pelajar SK Tampulan.

Majlis perasmianya disempurnakan Pensyarah Kursus Politik Alam Sekitar Antarabangsa UMS, Marja Azlima Omar.

Sumber: FKSW

